

Portal pembelajaran bagi golongan kurang upaya



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN: Profesor Cheong dan Cik Phua menandatangani MOU bagi portal pembelajaran bagi golongan kurang upaya. – Foto BH oleh M.O. SALLEH

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

CARA menaiki bas serta tingkah laku yang sewajarnya ketika berada dalam kenderaan awam mungkin sesuatu perkara biasa untuk ramai.

Namun, bagi individu berkeperluan khas, peringatan yang berulang diperlukan supaya mereka tidak membahayakan diri sendiri atau mengganggu orang lain.

Untuk memenuhi keperluan itu, portal pembelajaran dalam talian, Learn for Life e-Campus, yang diusahakan Pusat Sumber Autisme (ARC) dengan kerjasama Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), dilancarkan untuk membantu individu berkeperluan khas mempelajari kemahiran hidup harian.

ARC dan SUSS memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) itu semalam dalam satu acara di Sekolah Pathlight, menandakan kerjasama yang berterusan antara kededua institusi tersebut sejak 2014 untuk meningkatkan mutu serta pengalaman pembelajaran, bukan hanya bagi individu berkeperluan khas malah masyarakat secara am.

Selain menyediakan sumber pembelajaran dalam talian 24 jam, wadah tersebut turut menggalakkan pembelajaran di luar wak-

tu sekolah dan tahun-tahun pembelajaran rasmi.

Antara modul yang ditawarkan termasuk kemahiran hidup harian seperti kesejahteraan tubuh badan, tingkah laku dalam kenderaan awam, dan modul pengayaan merangkumi teknologi infokom (ICT), sejarah dan muzik.

Modul-modul tersebut dilengkapi bahan-bahan yang disesuaikan dengan keperluan mereka seperti visual menarik, termasuk gambar dan video.

Portal tersebut juga merupakan sumber bagi pendidik serta keluarga untuk mendampingi pelajar dalam proses pembelajaran.

Presiden ARC, Cik Denise Phua, yang juga Mayor Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) Central Singapore, berkata bahawa portal dalam talian tersebut memainkan peranan dalam menyediakan akses sama rata kepada peluang pembelajaran bagi pelajar berkeperluan khas.

“Jika masyarakat bekeperluan khas tidak mengejar peluang untuk memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran sepanjang hayat, mereka akan ketinggalan.

“Bukan sahaja ketinggalan kerana keperluan khas mereka, malah mereka akan ketinggalan lebih jauh kerana jurang digital

yang dialami mereka,” kata Cik Phua dalam ucapan yang disampaikan semasa majlis tersebut.

Ini dipersetujui Presiden SUSS Profesor Cheong Hee Kiat yang menekankan bahawa peluang pembelajaran bukan sesuatu yang khusus kepada kumpulan tertentu sahaja.

“Pembelajaran merupakan aktiviti sejangat, keupayaan yang diberikan kepada semua.

“Yang penting adalah semua orang harus diberikan peluang belajar, atau belajar dengan baik,” katanya.

Cik Tan Lie Ling, ibu seorang pelajar menengah empat di Pathlight, berkata bahawa portal tersebut memberikan peluang untuk keluarga individu berkeperluan khas melakukan sesuatu yang lebih bermakna.

“Bahan-bahan yang disediakan dalam portal tersebut memang disesuaikan mengikut keperluan mereka dan ini membantu saya untuk belajar bersama-sama dengan beliau.

“Terutama sekali dalam topik yang agak sukar dibincangkan, seperti isu usia baligh,” kata suri rumah berusia 47 tahun itu.

Portal digital tersebut akan digunakan oleh pelajar Pathlight sebelum disembarkan kepada pelajar bekeperluan khas di institusi lain.